

Kebebasan musuh utama pelajar lelaki

UM 16 JUL 2001

BAHAGIAN PERTAMA

KEMELUT pelajar Melayu lemah dalam akademik bukan satu perkara baru malah sering diperdebatkan oleh pelbagai pihak.

Malah, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan pengumuman Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini turut menyentuh fenomena itu yang sekali gus menunjukkan keprihatinan Perdana Menteri betapa masalah tersebut perlu ditangani secara serius.

Antara lain, Or. Mahathir mendedahkan hanya 20 peratus pelajar lelaki yang berjaya menempatkan diri di universiti dan selebihnya dikuasai oleh wanita.

Selain itu, beliau khawatir bahawa pelajar Melayu masih ketinggalan jauh berbanding pelajar kaum Cina sedangkan menurut Dr. Mahathir, otak pelajar Cina tidak lebih geliga daripada pelajar Melayu.

Bagi menyengkap mesei Perdana Menteri itu, wartawan *Utusan*, **SAIFULIZAM MOHAMAD, SALINA IBRAHIM, LAUPA JUNUS** dan **NIZAM YATIM** mengupas pandangan pelbagai pihak termasuk tokoh-tokoh pendidikan.

Semua ini bagi mencari jawapan kepada beberapa persoalan termasuk kenapa pelajar Melayu malas dan kenapa pelajar lelaki tertinggal berbanding pelajar perempuan.

KUALA LUMPUR 15 Julai — Seorang pensyarah psikologi memberitahu, musuh utama pelajar lelaki Melayu adalah 'kebebasan' sehingga mereka tidak dapat lagi menentukan disiplin diri masing-masing yang berakhr dengan pelajaran mereka terjejas.

Pensyarah Jabatan Psikologi Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Aminuddin Mohd. Yusof, berkata persoalan sama ada pelajar bukan bumiputera lebih bijak dan pelajar wanita lebih baik daripada pelajar lelaki sebenarnya tidak timbul.

"Disiplin adalah sesuatu perkara yang perlu atau ke-

na buat dan oleh yang demikian seseorang itu tidak ada pilihan," katanya.

Justeru itu, kata beliau, dalam konteks pembelajaran, disiplin juga akan menentukan sejauh mana pelajar berkenaan berusaha sesuatu yang terbaik bagi dirinya.

Dalam hal ini, menurut beliau, pelajar wanita ternyata lebih berdisiplin dan apabila berhadapan dengan sesuatu perkara yang mencabar dalam dunia penuh persaingan ini, golongan wanita juga lebih bersedia.

Menyentuh soal kebebasan, beliau berkata di peringkat pengajian tinggi, pelajar lebih bebas dan merekalah yang menentukan disiplin diri masing-masing.

"Sebab itu saya katakan, musuh utama pelajar universiti adalah kebebasan kerana pelajar Melayu sekarang ini menyalahgunakan kebebasan dan tidak mementingkan disiplin diri.

"Mereka masuk (belajar) universiti seperti pekerja jabatan kerajaan yang bekerja mengikut masa (cukup makan)," katanya.

Dr. Aminuddin memberikan contoh ramai pelajar Melayu yang cemerlang di institusi pengajian tinggi adalah bekas pelajar sekolah berasrama kerana persekitaran asrama adalah satu cara pengawalan dan mampu membentuk disiplin pelajar.

Menurut beliau, memang ada pelajar asrama melakukan sesuatu yang melanggar disiplin tetapi secara keseluruhannya kegiatan harian pelajar lebih teratur.

Pengawalan

Bagaimanapun, beliau memberitahu, faktor itu bukan bermakna pelajar luar bandar yang tidak tinggal di asrama tidak mampu cemerlang tetapi fungsi sebenar asrama ialah menyediakan suasana persekitaran yang dapat membentuk disiplin yang lebih baik dan disiplin amat perlu bagi manusia.

"Sekiranya ada pelajar luar band&, anak petani atau anak nelayan berjaya, cuba periksa di mana mereka belajar?"

"Kebanyakan mereka berjaya kerana telah tinggal di asrama dan dihantar belajar di sekolah berasra-

ma pada usia yang masih muda," katanya.

Oleh kerana itu, beliau menasihatkan para pelajar universiti menitikberatkan soal disiplin diri, disiplin belajar dan bijak mengutamakan apa yang perlu mereka utamakan ketika berada di universiti.

Menurut beliau, para pelajar Melayu perlu melatih diri untuk bekerja sepanjang masa iaitu sentiasa membuat persiapan bagi setiap tugasan, menyiapkan nota dan melatih diri untuk minat membaca.

"Pendek kata persoalan malas, sambil lewa, cuai tidak timbul sekiranya mereka member-i penekanan kepada disiplin diri," tegas beliau lagi.

Dr. Aminuddin turut ber-setuju bahawa peranan jantina yang stereotaip dalam masyarakat Melayu turut mempengaruhi pembentukan disiplin yang akhirnya menentukan wanita lebih berjaya.

Ini kerana, kata beliau, dalam masyarakat Melayu, wanita dididik supaya lebih bersopan, tertib dan 'terkurung' dalam rumah sedangkan lelaki digalakkan keluar bekerja dan lebih bebas.

Fenomena itu, jelas beliau, memberi gambaran bahawa disiplin lebih terber-tuk pada golongan wani dalam konteks masyarakat Melayu.